

Penyertaan dan Hambatan Belia Bario Dalam Membangunkan Komuniti

W. A. AMIR ZAL, MA'ROF REDZUAN & ABDUL HALIM SIDEK

ABSTRAK

Golongan belia hari ini sedar bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk membangunkan komuniti mereka. Ini berdasarkan kepada kepercayaan dan persepsi mereka terhadap peluang yang ada di sekitar mereka. Bagi meneroka kemampuan dan penglibatan serta kekangan penglibatan belia Bario dalam membangunkan komuniti, kajian telah dilaksanakan ke atas 352 orang belia Bario, yang dipilih secara rawak mudah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan melibatkan kaedah pengumpulan data menggunakan borang soal selidik. Kajian mendapati bahawa penyertaan belia Bario dalam aktiviti membangunkan komuniti termasuklah penglibatan mereka dalam organisasi komuniti adalah rendah. Ia adalah disebabkan kerana mereka berhadapan dengan halangan berbentuk luaran iaitu generasi lebih tua yang mengehadkan penglibatan belia dalam aktiviti dalam komuniti. Selain itu, mereka turut mempunyai masalah dalaman, iaitu kurang memiliki kemahiran tertentu dalam menjayakan organisasi dalam komuniti meskipun mempunyai keinginan yang kuat untuk mendaya upayakan komuniti mereka.

Kata kunci: *penyertaan, organisasi, hambatan/ halangan, pembangunan komuniti*

ABSTRACT

The youth today are realizing that they have the ability to develop their communities. This is based on their beliefs and perceptions of the opportunities around them. To explore the capabilities and constraints of Bario youth participation in community development, studies were carried out on 352 Bario youth, in which they are selected randomly. This study used a survey design and data collection method using a questionnaire. The study found that youth participation in the Bario community development activities including participation in community organizations

is low. This is because they are faced with external barriers such as an older generation's controlling measures that limit youth participation in community activities. In addition, they also have internal problems, the lack of specific skills in the success of organizations in the community despite having a strong interest to empower their community.

Keywords: *participation, organization, obstacles / barriers, community development*

PENGENALAN

Belia hari ini akan mencorakkan maju atau mundurnya negara pada masa hadapan (Abdul Jalil, 2007). Malah mereka adalah refleksi masyarakat pada masa hadapan melalui pengaruh sistem kepercayaan, nilai, sikap dan tingkah laku mereka (Nobaya, Ezhar dan Turiman, 2007; Nobaya, Dzulhailmi, Salleh, Jamilah dan Nor Azliza, 2008). Golongan belia mempunyai keupayaan mempengaruhi tren masa depan sesebuah masyarakat dan negara (Samsudin A. Rahim, 2007), juga mempunyai tanggungjawab besar dalam mengubah negara agar menjadi semakin baik (Nobaya et al 2007; Turiman, Azimi, Ismi Arif, Ezhar Tamam, Siti Raba'ah dan Dzuhailmi, 2008).

Begitu juga golongan belia turut diharapkan masyarakat untuk mewariskan budaya, sosial dan politik kepada generasi seterusnya bagi mencipta kehidupan yang positif (Turiman et al, 2008). Mereka menjadi tonggak kepada kegiatan sosioekonomi, termasuklah pembangunan modal insan dan sosial yang berasaskan ilmu pengetahuan (Jalaluddin, 2009). Malah, golongan belia mempunyai jangkaan sosial yang bertambah berat sesuai dengan cabaran masa yang menuntut agar belia maju sesuai dengan cabaran abad ke 21 (Jalaluddin, 2009). Bukan setakat itu sahaja, belia dilihat mempunyai potensi yang tinggi untuk memberi sumbangan yang positif pada diri sendiri, keluarga dan masyarakat (Turiman, Nobaya, Ezhar dan Azimi, 2008a). Ini menunjukkan bahawa belia mendapat penilaian yang tinggi dalam jangkaan sosial (Asnarulkhadi, 2009). Dari konteks yang berbeza, belia sudah dilibatkan bersama dalam membawa hala tuju masyarakat meskipun ia berlaku dalam konteks jangkaan sosial sahaja.

Keupayaan belia dalam membangunkan komuniti

Peranan belia dalam membangunkan komuniti memang disedari oleh para sarjana. Peranan belia dalam pelbagai aktiviti seperti kepimpinan, mengenal pasti masalah tempatan, membuat keputusan yang penting, membina rancangan kerja, menguruskan mesyuarat dan menjalankan projek dalam komuniti adalah penting (Lekies, Baker dan Baldini, 2009). Malah memberi peluang kepada belia untuk terlibat dalam komuniti mampu mengubah sikap dan tingkah laku mereka (Asnarulkhadi, 2009).

Usaha memberi peluang kepada golongan belia membangunkan komuniti adalah membawa maksud bahawa mereka perlu dilibatkan dalam usaha tersebut. Keupayaan belia dalam membangunkan komuniti ialah tindakan menyertai usaha membangunkan komuniti. Perkaitan antara penyertaan dan pembangunan komuniti dinyatakan Asnarulkhadi (2005) dan Marfo (2008). Tetapi, Asnarulkhadi (2005 dan 2009) memanjangkannya dengan mengaitkan natijahnya kepada pendaya upaya komuniti dan mempengaruhi perubahan khusus dalam komuniti. Sungguhpun demikian, Moser (1989) dalam Asnarulkhadi (2005) melihat kepentingan penyertaan dari dua perspektif, pertama, penglibatan dianggap sebagai satu cara untuk mencapai pembangunan. Dan kedua, penglibatan sebagai matlamat dalam proses membawa perubahan yang memberi keutamaan kepada penyertaan langsung komuniti merencana dan membentuk pembangunan yang diinginkan.

Contoh kapasiti belia dalam membangunkan komuniti melalui penyertaan dapat dilihat realiti sosial belia yang dinyatakan oleh Turiman et al (2008a). Belia melalui persatuan memperlihatkan penglibatan yang aktif dalam mempersoalkan dasar kerajaan termasuklah Dasar Belia Negara jika mereka tidak menyenangi. Tindakan belia bukan setakat itu sahaja, mereka mahu terlibat sama dalam proses penggubalan dasar berkenan. Ia menunjukkan keupayaan belia membangunkan komuniti melalui penyertaan.

Keputusan dan faktor penyertaan belia

Newman (2008) menyatakan penyertaan itu bersifat subjektif, di mana ia mempunyai makna yang berbeza mengikut individu. Definisi penyertaan

menurut Ajayi dan Otuya (2006) berasaskan definisi Bank Dunia (1995) dan juga menurut Harvey dan Reed (2007), ialah proses kesukarelawanan yang mana individu dapat mempengaruhi dan mengawal dalam membuat keputusan yang mana ia mengarahkan kepada pendaya upaya individu dan komuniti. Manakala Barki dan Hartwick (1994) dan Cornwall (2008) mendefinisikannya sebagai mengambil bahagian atau apa-apa terlibat dalam apa-apa aktiviti. Dengan lebih ringkas, Roth, Malone dan Gunn (2010) membuat kesimpulan penyertaan sebagai lebih dari menghadiri sesuatu aktiviti. Namun dalam makalah ini, definisi yang diterima ialah penglibatan yang aktif dalam membuat keputusan, mengimplementasikan proses, program dan projek yang memberi kesan kepada mereka (Thomas-Slayter, 2009).

Justeru, tiada siapa dapat menafikan kepentingan penyertaan komuniti, malah sebaliknya menekankan densiti penyertaan komuniti (Buccus, Hemson, Hicks dan Piper, 2008). Ini kerana penyertaan menjadi sesuatu yang penting, sama pentingnya dengan hasil dari sesuatu usaha pembangunan itu sendiri (Newman, 2008). Ia dipersetujui oleh Kretzmann dan McKnight (2005) dan Laverack dan Thangphet (2009), dengan memberi contoh kepentingannya di masa hadapan, iaitu berjayanya sesuatu perkara untuk kekal adalah mempunyai kaitan dengan penglibatan komuniti.

Kepentingan penyertaan belia dalam pembangunan negara sedia disedari oleh para pembuat Dasar Belia Negara, yang mana penyertaan itu dijadikan sebagai salah satu dari lima prinsip terasnya (Asnarulkhadi, 2009). Sehubungan dengan ini, Bowen (2008) menerangkan lebih lanjut kekuatan penyertaan, iaitu penglibatan sebagai kuasa masyarakat yang menjadi satu kuasa dan elemen kepada peningkatan ekonomi serta usaha kepada perubahan sosial. Khususnya dalam ekonomi, Gamble dan Weil, (1995) dalam Bowen (2008), menyatakan secara jelas bahawa penyertaan meningkatkan sumber dalam komuniti serta memperbaiki keadaan ekonomi yang berada di tahap rendah.

Dari aspek sosialnya, Campbell, Wunungmurra dan Nyomba (2007) mendedahkan kepentingan penyertaan, iaitu ia dapat menggalakkan pendaya upaya individu, kumpulan kecil dan komuniti. Matarrita-Cascante, Luloff, Krannich dan Field (2006) juga menekankan perkara yang hampir sama, yang mana menurut mereka, peningkatan dalam

penyertaan komuniti akan memperbaiki keadaan hidup komuniti. Newman (2008) dari dimensi berbeza pula, yang menunjukkan kepentingan dan kebaikan yang diterima oleh peserta, di mana peserta akan mempelajari sesuatu dan berpeluang untuk beraksi dalam membangunkan komuniti melalui penyertaan.

Brennan dan Barnett (2009) mempersetujui bahawa komuniti akan memperoleh manfaat yang besar dari penyertaan golongan muda dalam pelbagai aspek dalam usaha membangunkan komuniti. Melalui penyertaan juga, memberi kebaikan kepada belia itu sendiri, di mana mereka akan memperoleh perlindungan dan kemahiran dalam kompeten sosial, penyelesaian masalah, autonomi dan menyedari matlamat komuniti. Belia juga akan berdaya upaya kerana menjadi seorang yang mampu menyelesaikan masalah, pembuat keputusan dan menjadi pemimpin dalam membangunkan komuniti.

Berkenaan faktor penyertaan pula, Marfo (2008) menyatakan bahawa ia melibatkan pelbagai pertimbangan. Qingwen, Perkins dan Chun (2010) bersetuju dengan pandangan itu, namun memperincikan dengan menyatakan ia bergantung pada konteks sosial, ekonomi dan politik. Kudva dan Driskell (2009) pula menyenaraikan faktor penyertaan iaitu bergantung pada nilai, penilaian moral dan pemerolehan pendapatan. Juga merangkumi ruang yang mencukupi untuk menonjolkan rasa ambil berat melalui berkomunikasi.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Munford dan Sanders (2007), kejayaan penyertaan belia dalam masyarakat menjadi satu cabaran kerana umumnya menyedari bahawa mereka terlibat dengan banyak masalah sosial. Namun jarang sekali mereka digalakkan untuk terlibat dalam membangunkan komuniti termasuklah mengenal pasti penyelesaian kepada masalah yang timbul. Malah isu penyertaan merupakan isu kritikal dalam komuniti sedangkan melalui penyertaanlah komuniti akan dapat dibangunkan (Yan dan Gao, 2007).

Isu penyertaan tetap menjadi perhatian, iaitu kurangnya penyertaan mereka dalam membangunkan komuniti. Kajian yang dilakukan oleh

Turiman et al (2008b) misalnya, menunjukkan bahawa kebanyakan penyertaan belia dalam komuniti iaitu sebanyak 56.9 peratus hanya berada di tahap sederhana. Dan tahap tinggi dan sederhana hampir menyamai antara satu sama lain, iaitu masing-masing 24.4% dan 18.7%. Begitu juga dengan kajian yang dilaksanakan oleh Nobaya et al (2008) dan Dzulhailmi, Nobaya, Nor Azliza, Md. Salleh, Jamilah dan Mariah (2009) yang menunjukkan bahawa belia tidak terlibat dengan aktiviti komuniti dalam konteks kebudayaan.

Banyak faktor yang mempengaruhi penyertaan belia dalam pembangunan komuniti. Matarrita-Cascante, Luloff, Krannich dan Field (2006) mendapati kekangan penyertaan adalah berbeza dalam kalangan ahli komuniti, antaranya perbezaan perspektif, sikap dan cara untuk bertindak. Sementara itu, Messerli dan Abdykaparov (2008) menyatakan bahawa antara faktor yang menyebabkan kurangnya penyertaan ialah kurangnya motivasi dan minat serta tidak mempunyai kemahiran yang sesuai. Di pihak yang lain iaitu Ponte, Roberts dan Sittert (2007), menekankan kurangnya penyertaan disebabkan oleh diskriminasi termasuklah dalam akses kepada sumber dan peluang.

Pernyataan tersebut mengkategorikan masalah kepada penyertaan kepada dua, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Berkenaan faktor luaran, Turiman et al (2008b) menyatakan ia sebagai natijah dari gambaran realiti persekitaran belia. Umum menyedari bahawa belia dikelilingi oleh pendampingnya seperti golongan profesional, ketua komuniti dan sebagainya yang mana melaluinya mereka dapat mempelajari sesuatu yang baru bagi meningkatkan keupayaan mereka (Asnarulkhadi, 2009). Lekies, Baker dan Baldini (2009) dalam menghuraikan perkara tersebut, menyatakan contoh yang tepat. Mereka mendapati belia memang terlibat dalam aktiviti komuniti, namun kurang terlibat dalam aspek publisiti, struktur organisasi seperti aspek kewangan dan mengkoordinasi mesyuarat. Malah kadang-kadang belia dilihat sebagai tidak matang dan tidak berupaya, kurang ilmu pengetahuan, pengalaman untuk membangun, mengemukakan idea untuk menyelesaikan isu dalam komuniti atau membuat keputusan (Lekies et al, 2009).

Pertimbangan untuk melibatkan belia seolah-olahnya mempunyai unsur diskriminasi. Contoh dari Turiman (2008a) misalnya, belia dibelenggu dengan krisis kurangnya budaya keilmuan, kemahiran dan keintelektualan,

malahan terjebak dengan pelbagai masalah sosial. Pandangan pendamping belia semakin pesimis setelah mempertimbangkan umur belia lebih dilihat sebagai tempoh pembinaan pendidikan, karier dan aspirasi ahli komuniti (Demi, McLaughlin dan Snyder, 2009). Kekurangan itu menjadi ukuran generasi lebih berpengalaman dalam mempertimbangkan belia untuk turut aktif dalam membangunkan komuniti. Dengan stereotaip begitu, ia menjadi hambatan kepada belia untuk menyertai organisasi dan menghalang peluang pembelajaran bagi menggunakan potensi mereka sepenuhnya (Lekies et al, 2009). Masalah itu meletakkan belia di satu keadaan untuk tidak dapat menyertai organisasi dalam komuniti mereka, sedangkan menurut Lekies et al (2009) organisasi yang sedia ada merupakan medium yang membolehkan mereka terlibat dalam pembangunan komuniti. Manakala bagi faktor dalaman, kurangnya penyertaan adalah disebabkan oleh jadual harian yang tidak mengizinkan (Gross, Julion dan Fogg, 2001), serta tidak mempunyai masa untuk melakukan pelbagai perkara dalam masa yang ada (Lekies et al, 2009).

Berasaskan isu tersebut, kajian ini menyenaraikan dua objektif, iaitu, pertama meneroka dorongan dan halangan penglibatan belia dalam persatuan; kedua, mengenal pasti penglibatan belia dalam organisasi komuniti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana data diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik yang dibentuk khas oleh penyelidik. Populasi kajian ini ialah belia yang tinggal di Bario Sarawak. Belia merujuk kepada individu yang berumur 15 hingga 40 tahun. Sampel dipilih melalui rawak mudah. Ini bermaksud kesemua belia Bario Sarawak mempunyai peluang untuk menjadi sampel kajian. Jumlah penduduk kawasan tersebut berjumlah 1,500 orang, jumlah belia dianggarkan berjumlah 40 hingga 50 peratus dari jumlah tersebut yang menjadikan jumlahnya 700-750 orang. Berdasarkan prinsip Krejcie dan Morgan (1970) dalam Sabitha Marica (2006), dari jumlah populasi itu, jumlah sampel yang sesuai ialah 245 orang. Walau bagaimanapun, kajian ini berjaya memperoleh responden seramai 352 orang. Data kuantitatif dianalisis dengan perisian komputer PASW SPSS. Analisis tersebut hanya melibatkan penggunaan proses statistik deskriptif sahaja.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar belakang Bario

Bario terletak di Tanah Tinggi Kelabit, iaitu 3,280 meter di atas permukaan laut. Tanah Tinggi Kelabit terletak di Timur Laut Sarawak dan berhampiran dengan sempadan antarabangsa iaitu antara Sarawak dan Kalimantan. Perkataan Bario merupakan gabungan dari dua perkataan bahasa etnik Kelabit yang berbeza iaitu, 'Ba' dan 'Rio'. Ba membawa maksud sawah manakala Rio bermaksud angin. Majoriti penduduk Bario adalah dari etnik Kelabit. Etnik Kelabit suatu ketika dahulu terkenal sebagai kumpulan memburu kepala bagi membuktikan keberanian dan semangat kepahlawanan mereka. Bario mempunyai cuaca sejuk yang mana suhunya sekitar 16 hingga 25 darjah Celsius dan kadang-kadang mencecah 11 darjah Celsius. Jumlah penduduknya kira-kira 1,500 orang. Majoriti dari penduduknya menganut agama Kristian aliran Sidang Injil Borneo (SIB).

Bario mempunyai 14 buah kampung, iaitu Padang Pasir, Bario Asal, Ulung Palang / Bued Beruh A dan B, Kampung Baru, Pa Ramapuh A dan B, Aru Dalam, Aru Layun / Pa Bengar, Pa Ukat, Pa Tik, Pa Lungan, Pa Umor, Pa Mada, Pa Dalih dan Ramudu. Sungguhpun kampung-kampung tersebut berada dalam Bario, tetapi setiap sebuah kampung berada agak jauh di antara satu sama lain. Ada juga kampung yang mengambil masa 5 jam dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda untuk sampai ke kampung tersebut dari lapangan terbang Bario.

Antara masalah infrastruktur yang dihadapi di Bario ialah perkhidmatan elektrik yang tidak sempurna, yang mana mereka tidak mempunyai kemudahan bekalan elektrik 24 jam. Sebaliknya mereka hanya menggunakan generator untuk mendapatkan bekalan elektrik. Sungguhpun di Bario terdapatnya projek jana kuasa elektrik yang menggunakan kuasa hidro, namun kuasa elektrik hanya dapat dimanfaatkan pada waktu tertentu dan kampung khusus sahaja. Terdapat juga penduduk Bario menggunakan alternatif yang lain seperti kuasa solar dan bateri kereta.

Dalam penggunaan generator, penduduk Bario berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan bekalan petrol. Harga petrol mencecah RM

4.00 seliter. Malah harga petrol pernah mencecah RM 7.00 seliter. Ini disebabkan mereka terpaksa bergantung pada perkhidmatan MASWing Twin Otter untuk memungkah petrol serta bahan-bahan lain yang diperolehi dari bandar Miri atau Marudi. Walau bagaimana bekalan petrol bersubsidi telah diperkenalkan kepada penduduk Bario. Oleh demikian, mereka dapat membeli petrol dengan harga pasaran Malaysia iaitu RM1.80 seliter. Sungguhpun begitu, sekiranya bekalan petrol bersubsidi telah kehabisan, mereka terpaksa menggunakan bekalan petrol yang tidak bersubsidi.

Dari segi pendidikan, sungguhpun mereka berada di kawasan pedalaman, mereka amat komited dengan pendidikan. Boleh dikatakan tidak ada kes keciciran pendidikan dalam kalangan mereka. Maksudnya, tidak ada golongan muda yang tidak bersekolah. Kesemua dari mereka dapat membaca dan menulis dengan baik, malah dapat bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik termasuklah dari kalangan warga emas. Namun, golongan muda Bario dapat bersekolah di Bario hanya sehingga tingkatan tiga, kerana kemudahan persekolahan di Bario hanya menyediakan sehingga tahap itu sahaja. Untuk meneruskan ke peringkat seterusnya, mereka perlu ke bandar Miri ataupun Marudi. Antara aspek yang terkenal mengenai Bario ialah kejayaan pelaksanaan program *telecenter* yang bertujuan untuk memperkenalkan ICT dalam kalangan penduduk pedalaman serta mengurangkan masalah digital. Kini Bario lebih dikenali dengan jolokan e-Bario.

Profil Responden

Seramai 352 orang responden terlibat dalam penyelidikan ini, mereka merupakan belia yang menetap di Bario, Sarawak. Kajian menunjukkan, 57.5% responden adalah lelaki, manakala sebanyak 42.5% responden adalah wanita. Peratusan responden lelaki yang lebih ramai berbanding responden wanita adalah disebabkan oleh golongan wanita lebih ramai berada luar dari Bario bagi tujuan yang pelbagai termasuklah untuk bekerja dan menyambung pelajaran di peringkat menengah dan tinggi. Profil etnik menunjukkan majoriti responden adalah etnik Kelabit iaitu 72.3%, Melayu sebanyak 3.4% dan Lun Bawang 1.7%. Bario merupakan kawasan penempatan utama etnik Kelabit di Sarawak, disebabkan itulah majoriti responden terdiri daripada etnik tersebut. Manakala bagi etnik selain Kelabit, mereka antara individu yang bertugas atau berkahwin dengan masyarakat tempatan. Bagi status agama, majoriti responden

adalah beragama Kristian (91.5%), manakala sebanyak 7.4% adalah beragama Islam. Agama Kristian sudah lama bertapak di Bario, iaitu kira-kira awal tahun 1900 lagi. Manakala agama Islam dianuti oleh etnik lain seperti Melayu serta sebilangan kecil penduduk tempatan etnik Kelabit yang menganut agama Islam.

Bagi profil status pekerjaan, sebanyak 39.0% responden tidak bekerja, 29.8% adalah bekerja dan 31.2% masih belajar. Bilangan responden yang tidak bekerja adalah terdiri daripada belia Bario yang baru menamatkan pengajian mereka, termasuklah di peringkat menengah dan tinggi. Mereka juga terdiri daripada belia yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan melainkan mengikutkan musim tertentu seperti khidmat mereka diperlukan oleh keluarga untuk mengetam padi dan sebagainya. Sebaliknya, individu yang bekerja terdiri daripada individu yang mempunyai pekerjaan seperti guru, petani, mencari hasil hutan, memburu dan sebagainya. Sementara itu, responden yang masih belajar adalah terdiri daripada individu yang sedang menyambung pelajaran mereka di peringkat menengah dan tinggi.

Berkenaan dengan taraf pendidikan responden kajian, majoriti responden mempunyai latar belakang pendidikan sekolah menengah (74.9%), hanya 3.2% sekolah rendah. Seramai 12.7% responden mempunyai latar belakang pendidikan peringkat universiti dan 8.9% adalah peringkat kolej. Data kajian menunjukkan belia Bario mempunyai latar belakang pendidikan yang baik meskipun berada di kawasan pedalaman yang mana kebanyakan dari mereka sekurang-kurangnya mempunyai latar belakang pendidikan peringkat menengah. Juga kajian menunjukkan peratusan yang tinggi responden mempunyai latar belakang pendidikan peringkat universiti dan kolej. Ia menunjukkan bahawa penduduk Bario mementingkan pendidikan dalam kehidupan mereka, malahan mereka menggalakkan pencapaian pendidikan tinggi yang perlu dicapai oleh generasi muda mereka.

Dorongan dan Hambatan dalam Persatuan

Berkenaan dengan faktor dalaman yang mendorong belia untuk berpersatuan (rujuk Jadual 1), kajian menunjukkan sebanyak 70.5% responden sedar tentang keperluan untuk menubuhkan persatuan bagi membangunkan masyarakat mereka. Sementara itu, 71.0% responden berminat untuk menubuhkan persatuan. Sebanyak 42.8% responden

yakin bahawa mereka mampu untuk menguruskan persatuan. Sebanyak 56.2% responden yakin dengan kemampuan masyarakat tempatan untuk menguruskan persatuan.

Kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kesedaran serta kemahuan yang tinggi untuk berpersatuan kerana ia diperlukan bagi tujuan pembangunan masyarakat mereka. Begitu juga dengan minat dan keyakinan untuk berpersatuan serta menguruskannya. Ini menggambarkan belia mempunyai dorongan untuk turut serta dalam persatuan serta tidak mempunyai halangan berupa halangan dalaman untuk penglibatan itu. Berkenaan dengan kedapatan maklumat, sebanyak 32.0% responden tahu untuk mendapatkan maklumat bagi menubuhkan persatuan. Selain itu, sebanyak 25.3% responden memperoleh maklumat yang mencukupi bagi menubuhkan persatuan. Sementara itu, 36.0% responden tahu bahawa penubuhan persatuan akan memperoleh wang sagu hati dari kerajaan. Beberapa senario yang dinyatakan oleh belia menunjukkan mereka mempunyai hambatan dalam berpersatuan khususnya tidak mempunyai maklumat yang sempurna bagi menubuhkan persatuan dalam komuniti mereka, juga tidak memperoleh maklumat yang tepat berkenaan kelebihan penubuhan persatuan. Masalah itu menjadi antara faktor yang menghambat belia untuk berpersatuan.

Berkenaan dengan pengetahuan dan kemahiran responden, sebanyak 22.7% responden tahu tentang kaedah menubuhkan persatuan. Sementara itu, 28.2% responden pernah mengikuti kursus atau bengkel untuk menubuhkan persatuan. Sungguhpun begitu, 71.0% responden tahu bahawa persatuan boleh ditubuhkan. Kajian juga menunjukkan 23.5% responden tahu untuk menguruskan persatuan. Selain itu, 25.6% responden menyatakan bahawa mereka tahu untuk mengerakkan persatuan. Sebanyak 27.0% responden tahu untuk mengendalikan mesyuarat dan 31.7% responden tahu untuk menyediakan minit mesyuarat. Kajian turut menunjukkan, sebanyak 45.6% responden yang mempunyai kemahiran untuk menyelesaikan masalah organisasi. Manakala sebanyak 39.9% responden yang tahu untuk menguruskan konflik dalam organisasi.

Dapatan itu menunjukkan bahawa belia Bario mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang rendah dalam berorganisasi termasuklah untuk menjalankan dan menguruskan mesyuarat, berhadapan dengan menguruskan konflik serta masalah dalam organisasi. Ini bersesuaian

dengan apa yang dinyatakan oleh Turiman (2008a) dan Lekies et al (2009) yang mana belia sering kali dipandang rendah oleh golongan lain disebabkan masalah seperti itu. Malah, ia membentuk stereotaip yang negatif tentang belia (Demi et al, 2009). Kegagalan untuk memiliki pengetahuan yang penting seperti itu menyebabkan belia tidak dijemput untuk terlibat dalam organisasi sedia ada. Masalah itu telah menimbulkan masalah lain, masalah yang bersifat timbal balik, iaitu tidak dapat mempelajari pengetahuan dan kemahiran baru yang sepatutnya boleh didapati melalui penyertaan dalam organisasi komuniti yang sedia ada (Lekies et al, 2009).

Kesimpulannya, kajian mendapati bahawa belia Bario menyedari tentang kepentingan kewujudan persatuan dalam komuniti mereka termasuklah kemampuannya untuk menyelesaikan masalah serta mewujudkan perpaduan dalam masyarakat. Dalam masa yang sama, belia Bario mempunyai persepsi yang positif kepada penubuhan kelab atau persatuan belia. Dapatan kajian ini berbeza dengan pandangan Abdykparov (2008) yang menyatakan hambatan penyertaan disebabkan oleh faktor motivasi yang rendah. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan motivasi yang tinggi. Disebabkan masalah lain seperti kurang maklumat dan sokongan kewangan bagi tujuan tersebut. Namun, di satu sudut yang lain, Abdykparov (2008) ada benarnya khususnya berkenaan hambatan dalam rupa pemilikan pengetahuan dan kemahiran belia yang terhad. Hambatan itu perlu diberi perhatian yang serius kerana ia akan mengurangkan keupayaan belia untuk membangunkan komuniti mereka yang disebabkan oleh penyertaan yang rendah mereka.

Jadual 1: Taburan peratusan responden berkenaan dorongan dan halangan dalam Persatuan (N= 352)

Pernyataan	%
<i>Faktor Dalaman</i>	
Minat untuk menubuhkan persatuan	71.0
Sedar keperluan untuk menubuhkan persatuan bagi membangunkan masyarakat	70.5
Yakin kemampuan masyarakat tempatan untuk menguruskan persatuan	56.2
Yakin dengan kemampuan diri untuk menguruskan Persatuan	42.8
<i>Kedapatan Maklumat</i>	

Tahu bahawa penubuhan persatuan akan mendapat wang sugu hati dari kerajaan	36.0
Tahu untuk mendapatkan maklumat bagi menubuhkan persatuan	32.0
Mendapat maklumat yang cukup untuk menubuhkan persatuan	25.3
<i>Pengetahuan dan kemahiran</i>	
Tahu untuk menubuhkan persatuan	22.7
Mengikuti kursus atau bengkel untuk menubuhkan persatuan	28.2
Tahu bahawa persatuan boleh ditubuhkan	71.0
Tahu untuk menguruskan persatuan	23.5
Tahu untuk menggerakkan persatuan	25.6
Tahu untuk mengendalikan mesyuarat	27.0
Tahu untuk membuat minit mesyuarat	31.7
Mempunyai kemahiran untuk menyelesaikan masalah	45.6
Tahu untuk menguruskan konflik organisasi	39.9

Organisasi dalam kampung dan penglibatan

Bahagian ini menyentuh tentang organisasi yang terdapat di sekeliling responden serta penglibatan responden dalam organisasi tersebut (rujuk Jadual 2). Berkenaan dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), 72%, menyatakan organisasi tersebut wujud dalam kampung mereka. Namun, hanya 13.2% responden yang terlibat dengan organisasi tersebut. Bagi organisasi Rukun Tetangga, sebanyak 17.0% responden menyatakan bahawa organisasi tersebut ada dalam kampung mereka. Namun, hanya 7.8% responden yang terlibat dengan organisasi tersebut. Bagi organisasi RELA, 89.0% responden menyatakan ada organisasi tersebut, walau bagaimanapun hanya 20.2% responden yang terlibat dengan organisasi tersebut. Berkenaan dengan kewujudan parti politik, kajian menunjukkan 33.0% responden yang menyatakan pertubuhan tersebut ada dalam kampung mereka. Sejumlah kecil sahaja (14.6%) responden yang terlibat dalam pertubuhan parti politik.

Dapatan itu menunjukkan bahawa belia Bario menyedari wujudnya pelbagai organisasi dalam komuniti mereka, namun penyertaan mereka dalam organisasi itu adalah rendah. Penglibatan dalam JKKK dan Rukun Tetangga sebagai contohnya, ia lazimnya didominasi oleh golongan

bukan belia. Ini disebabkan oleh kepercayaan golongan lain pada keupayaan belia (Lekies et al, 2009) serta disebabkan keengganan belia untuk menganggotainya. Belia menyedari wujudnya sebuah organisasi sukarelawan iaitu RELA dalam komuniti, namun penyertaan dalam organisasi itu adalah rendah. Ia membawa maksud penyertaan belia dalam organisasi berkonsepkan kesukarelawanan adalah rendah. Begitu dengan penyertaan dalam organisasi parti politik, kajian mendapati penyertaan belia adalah rendah. Malah sikap ambil tahu tentang kewujudan parti politik dalam komuniti mereka juga rendah.

Bagi persatuan belia, 67.4% responden menyatakan persatuan tersebut ada dalam kampung mereka. Sungguhpun demikian, hanya 30.9% responden yang melibatkan diri dengan organisasi itu. Kajian menunjukkan 20.2% responden menyatakan bahawa persatuan remaja ada dalam perkampungan mereka. Namun, sebanyak 17.2% yang menyertai organisasi tersebut. Meskipun sebelum ini perbincangan menunjukkan masalah penyertaan disebabkan oleh faktor organisasi yang didominasi oleh golongan bukan belia, namun kajian menunjukkan penyertaan belia dalam organisasi yang sepenuhnya diuruskan oleh belia juga rendah. Sungguhpun demikian, menurut Gross et al (2001), antara hambatannya ialah jadual harian belia yang tidak mengizinkan mereka untuk menyertai organisasi. Juga disebabkan hambatan dengan masa (Lekies et al, 2009).

Sebanyak 35.6% responden yang menyatakan bahawa ada kelab budaya dalam kampung mereka, dan hanya 25.3% responden yang terlibat dalam kelab tersebut. Sebanyak 16.1% responden menyatakan bahawa terdapatnya persatuan usahawan dalam kampung mereka dan hanya 8.1% responden yang menyertai persatuan tersebut. Berkenaan dengan kelab sukan, 49.1% responden menyatakan kelab tersebut ada dalam kampung mereka. Namun, hanya 44.5% responden yang terlibat dengan kelab sukan.

Penyertaan belia dalam organisasi yang mampu memberi manfaat kepada mereka adalah rendah meskipun mereka tahu tentang kewujudannya. Penyertaan belia dalam mewariskan budaya masyarakat agak rendah. Perkara ini bersesuaian dengan pernyataan Nobaya et al (2008) dan Dzulhailmi et al (2009), yang mana belia tidak terlibat dalam aktiviti kebudayaan. Begitu juga dengan keupayaan belia untuk meningkatkan ekonomi komuniti yang sepatutnya melalui penyertaan organisasi ekonomi itu akan menyebabkan ekonomi komuniti meningkat

dan asbab kepada perubahan sosial (Bowen, 2008). Meskipun demikian, kajian menunjukkan penyertaan yang tinggi dalam aktiviti sukan. Realiti itu bersesuaian dengan pernyataan Kudva dan Driskell (2009). Menurutnya penyertaan dipengaruhi oleh nilai individu itu.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai bentuk organisasi yang ada di sekeliling belia Bario. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan penyertaan belia Bario dalam organisasi tersebut adalah rendah. Penyertaan yang rendah agak ketara dapat dilihat dalam organisasi yang didominasi oleh golongan bukan belia. Meskipun demikian, kajian turut mendapati bahawa penyertaan belia juga rendah dalam organisasi yang didominasi oleh belia. Masalah itu disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya kekangan masa dan aturan hidup yang tidak mengizinkan.

Jadual 2: Taburan peratusan responden berkenaan organisasi dalam kampung dan penglibatan (N= 352)

Organisasi	Ada	Keterlibatan
Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung	72.0	13.2
Rukun Tetangga	17.0	7.8
RELA	89.0	20.2
Parti Politik	33.0	14.6
Persatuan Belia	67.4	30.9
Persatuan / Kelab Remaja	20.2	17.2
Kelab Budaya	35.6	25.3
Persatuan Usahawan	16.1	8.1
Kelab Sukan	49.1	44.5

Hambatan penglibatan dalam membangunkan komuniti

Kajian menunjukkan bahawa sebanyak 55.8% responden setuju bahawa mereka bebas untuk mengenal pasti masalah komuniti, sebaliknya seramai 27% adalah tidak setuju dan 12.1% pula sangat tidak setuju. Sebanyak 64.5% responden bersetuju bahawa mereka sentiasa berfikir untuk membangunkan komuniti dan sebanyak 22.3% tidak setuju. Berkenaan dengan kebebasan membuat pilihan untuk komuniti, sebanyak 39.0% responden bersetuju dan 36.2% tidak bersetuju. Lebih separuh responden iaitu sebanyak 61.1% tidak bersetuju bahawa mereka mempunyai kuasa

bertindak untuk komuniti. Sebanyak 62.1% responden tidak setuju bahawa mereka mempunyai kuasa membuat keputusan untuk komuniti.

Belia Bario sedar tentang masalah yang berlaku di sekeliling mereka, malah mereka mengambil berat tentangnya. Namun, mereka berhadapan dengan masalah untuk menyatakan pandangan mereka bagi menyelesaikan masalah itu. Masalah itu akan menyebabkan belia tidak akan menyertai usaha pembangunan komuniti kerana menurut Kudva dan Driskell (2009), penyertaan akan berlaku sekiranya individu mempunyai ruang yang cukup untuk menonjolkan rasa ambil berat mereka. Dari sudut yang lain, fenomena itu turut disedari oleh Munford dan Sanders (2007), yang mana menurut mereka belia jarang dijemput untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Masalah ini disebabkan stereotaip golongan bukan belia ke atas belia sebagai golongan yang berada dalam tempoh pembinaan pendidikan dan karier (Demi et al, 2009).

Jadual 3: Taburan peratusan responden berkenaan penglibatan dalam membangunkan komuniti (N= 352)

Pernyataan	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Bebas untuk mengenal pasti masalah komuniti	4.5	55.8	27.0	12.1
Sentiasa berfikir untuk membangunkan komuniti	6.2	64.5	22.3	7.0
Bebas untuk membuat pilihan untuk komuniti	16.9	39.0	36.2	7.9
Mempunyai kuasa bertindak untuk komuniti	2.3	24.5	61.1	12.1
Mempunyai kuasa untuk membuat keputusan untuk komuniti	2.2	23.2	62.1	12.4

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa penyertaan belia Bario dalam organisasi tempatan adalah rendah, meskipun mereka menyedari kewujudan dan kekuatan yang ada pada organisasi berkenaan. Faktor masalah tersebut dibahagikan kepada dua kategori, iaitu, pertama, faktor luaran dan kedua, faktor dalaman. Faktor luaran merujuk kepada keadaan luar dari individu termasuklah sistem dan nilai masyarakat sedia ada yang menghalang mereka untuk menyertai organisasi dalam komuniti. Sesebuah organisasi yang dianggotai oleh golongan bukan belia mengehadkan penglibatan. Juga disebabkan stereotaip dan diskriminasi yang memandang rendah pada keupayaan belia untuk membangunkan komuniti (Ponte et al, 2007).

Faktor dalam pula merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan keinginan dalaman belia itu sendiri untuk menyertai organisasi dalam komuniti. Antaranya ialah kurangnya pengetahuan dan kemahiran yang sesuai untuk menjalankan organisasi dengan baik. Jika dilihat dari kaca mata generasi lain ke atas kelemahan belia, tidak membenarkan belia menyertai organisasi kerana kelemahan itu adalah bertepatan. Namun adalah ekstrem sekiranya menafikan sepenuhnya penyertaan belia, sedangkan melalui penyertaan itulah belia dapat meningkatkan keupayaan mereka (Brennan dan Barnett, 2009). Hambatan lain yang menghalang penyertaan belia ialah hambatan dengan masa dan komitmen yang bertindih.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan geran penyelidikan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

RUJUKAN

- Ajayi, R. & Otuya, N. 2006. Women's participation in self-help community development projects in Ndokwa agricultural zone of Delta State, Nigeria. *Community Development Journal*. **41**(2): 189–209.
- Asnarulkhadi A. S. 2005. Pendayaupayaan Komuniti Melalui Penglibatan: Satu penilaian Umum terhadap Pembangunan Komuniti di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*. **2**: 75-91.

- Asnarulkhadi A. S. 2009. Kelompangan Dasar Belia Negara – Menyangga Potensi Belia Menerusi Pendekatan Transformasi Konflik. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 1: 1-22.
- Barki, H. & Hartwick, J. 1994. Measuring User Participation, User Involvement, and User Attitude. *MIS Quarterly*. 18(1): 59-82.
- Bowen, G. A. 2008. An analysis of citizen participation in anti-poverty programmes. *Community Development Journal*. 43(1): 65–78.
- Brennan, M. A. & Barnett, R. V. 2009. Bridging Community and Youth Development: Exploring Theory, Research, and Application. *Community Development*. 40(4): 305-310.
- Buccus, I., Hemson, D., Hicks, J. & Piper, L. 2008. Community development and engagement with local governance in South Africa. *Community Development Journal*. 43(3): 297–311.
- Campbell, D., Wunungmurra, P. & Nyomba, H. 2007. Starting where the people are: Lessons on community development from a remote Aboriginal Australian setting. *Community Development Journal*, 42(2): 151–166.
- Cornwall, A. 2008. Unpacking ‘Participation’: models, meanings and practices. *Community Development Journal*. 43(3): 269–283.
- Demi, M. A., McLaughlin, D. K. & Snyder, A. R. 2009. Rural Youth Residential Preferences: Understanding the Youth Development-Community Development Nexus. *Community Development*. 40(4): 311-330.
- Dzulhailmi D., Nobaya A., Nor Azliza W. A., Md. Salleh H., Jamilah O. dan Mariah M. 2009. Implikasi Keterlibatan Audiens Belia dengan Kempen Perpaduan di Televisyen: Perbandingan Belia Melayu dan Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 1: 23-42.
- Gross, D., Julion, W. & Fogg, L. 2001. What Motivates Participation and Dropout among Low-Income Urban Families of Color in a Prevention Intervention?. *Family Relations*. 50(3): 246-254.
- Harvey, P. A. & Reed, R. A. 2007. Community-managed water supplies in Africa: sustainable or dispensable? *Community Development Journal*. 42(3): 365–378.
- Jalaluddin A. M. 2009. Pasca Bandar Pintar dan Pembangunan Belia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 1: 43-68.
- Kretzmann, J. P. & McKnight, J. L. 2005. *A Community-Building Workbook Discovering Community Power: A Guide To Mobilizing Local Assets And Your Organization’s Capacity*. USA: ABCD Institute, Northwestern University. Dimuat turun dari <http://www.abcdinstitute.org/docs/kelloggabcd.pdf> pada 30 Mei 2010.
- Kudva, N. & Driskell, D. 2009. Creating Space for Participation: The

- Role of Organizational Practice in Structuring Youth Participation. *Community Development*. 40(4): 367-380.
- Laverack, G. & Thangphet, S. 2009. Building community capacity for locally managed ecotourism in Northern Thailand. *Community Development Journal*. 44(2): 72-185.
- Lekies, K. S., Baker, B. & Baldini, J. 2009. Assessing Participation in Youth Community Action Projects: Opportunities and Barriers. *Community Development*. 40(4): 346-358.
- Marfo, E. 2008. Institutionalizing citizen participation and community representation in natural resource management: Lessons from the Social Responsibility Agreement negotiation in Ghana. *Community Development Journal*. 43(4): 398-412.
- Matarrita-Cascante, D., Luloff, A. E., Krannich, R. S. & Field, D. R. 2006. Community Participation in Rapidly Growing Communities in Southern Utah. *Journal of the Community Development*. 37(4): 71-87.
- Messerli, S. & Abdykaparov, M. 2008. Participatory approaches in developing farmer education and community ownership of training in Kyrgyzstan. *Community Development Journal*. 341-357.
- Munford, R. & Sanders, J. 2007. Borders, margins and bridges: Possibilities for change for marginalized young women. *Community Development Journal*. 42 (3): 317-329.
- Newman, K. 2008. Whose view matters? Using participatory processes to evaluate Reflect in Nigeria. *Community Development Journal*. 43(3): 382-394.
- Nobaya A., Dzulhailmi D., Salleh H., Jamilah O. dan Nor Azliza W. A. 2008. *Belia dan Keterlibatan dengan Mesej Perpaduan*. Dalam Jamilah Othman, Md Salleh H., Bahaman A. S., Jegak U., Nobaya A. dan Mazanah M. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS 2008 (hlm. 26-45). Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial.
- Nobaya, A., Ezhar, T. & Turiman, S. 2007. *Youth Participation in Civil Society*. Round Table Discussion on Youth for Nation Building, Session 4. Selangor: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.
- Qingwen, X., Perkins, D. D. & Chun, J. C. C. 2010. Sense of Community, Neighboring, and Social Capital as Predictors of Local Political Participation in China. *American Journal of Community Psychology*. 45(3-4): 259-271.
- Roth, J. L., Malone, L. M. & Gunn, J. 2010. Does the Amount of Participation in Afterschool Programs Relate to Developmental

- Outcomes? A Review of the Literature. *American Journal of Community Psychology*. 45(3-4): 310–324.
- Sabitha Marican. 2006. *Penyelidikan Sains Sosial; Pendekatan Pragmatik. Selangor*: Edusystem Sdn. Bhd.
- Thomas-Slayter, B. 2009. Dalam Rivera, J. D., *Handbook on Building Cultures of Peace* (hlm. 333-349). USA: Springer.
- Turiman S., Nobaya A., Ezhar T. dan Azimi H. 2008a. Pembangunan Belia ke Arah 2057: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*. 1: 1-13.
- Turiman S., Azimi H, Ismi Arif, Ezhar Tamam, Siti Raba'ah dan Dzuhaillmi D. 2008b. *Jalinan Sosial Belia Malaysia: Implikasinya terhadap Pembinaan Negara*. Dalam Jamilah Othman, Md Salleh H., Bahaman A. S., Jegak U., Nobaya A. dan Mazanah M. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan IPSAS 2008 (hlm. 1-10). Serdang: Institut Pengajian Sains Sosial.
- Yan, M. C. & Gao, J. G. 2007. Social engineering of community building: Examination of policy process and characteristics of community construction in China. *Community Development Journal*. 42(2): 222–236.

PROFIL PENULIS

W. A. Amir Zal

Felo Siswazah

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

waamirzal@gmail.com

Ma'Rof Redzuan

Pensyarah Kanan

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

Abdul Halim Sidek

Profesor Madya, Ketua dan Felo

Pusat Pembangunan Anak Bangsa (IMPAK)

Universiti Teknologi MARA

Shah Alam, Selangor